Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Inche Hussein Onn, di-Majlis Hari Uchapan dan Penyampaian Hadiah, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak pada 5hb Julai, 1972, pukul : 9.00 pagi

---

Saya tertarek hati dengan laporan Guru Besar tadi bahawa sekolah ini telah menchapai kejayaan seratus peratus bagi penuntut2 yang mengambil peperEksaan M.C.E. pada tahun lepas. Pada mereka semua ~~di-~~uchapkan tahniah dan ~~ada-lah~~ menjadi satu chabaran kapada penuntut2 Tingkatan V tahun ini untok mengekalkan peratusan yang baik itu.

~~Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh~~ ini ia-lah ~~salah sabuah~~ sekolah yang berasrama penoh. Ini berma'ana bahawa pelajar2 di-sini ada-lah meni'mati beberapa keistimewaan yang tidak terdapat di-kebanyakkan sekolah lain. ~~Pelajar2 di-sini tidak perlu runsing tentang kenderaan untok ka-sekolah, tidak perlu khuatir tentang hujan ribut, tidak payah menolong buat kerja ibu-bapa di-rumah; sampai masa untok makan, makanan di-sediakan, chukup masa untok tidor, padam lampu tidor. Ada masa~~

...2/-

~~untok belajar, ada waktu untok bermain.~~ Pendek kata, segala2-nya telah di-atorkan supaya pelajar2 dapat menumpukan sapenoh masa dan tenaga untok menghadapi pelajaran dan menchapai kejayaan. Untok menjamin ~~hal~~ -nya, ~~ini,~~ pehak sekolah telah mengadakan beberapa peratoran2 yang tertentu dan peratoran2 ini hendak-lah di-patohi dengan sapenoh-nya.

Peratoran2 yang di-adakan bukan-lah bertujuan hendak menyekat kebebasan pelajar2. Peratoran2 itu di-adakan supaya pelajar2 ~~yang ada di-sini~~ mendapat peluang yang sama dengan adil. Ini-lah kelebehan kehidupan di-asrama, di-samping mendapat peluang dan kemudahan yang ada, dapat pula belajar hidup bermasharakat dan menyesuai-kan dengan keadaan2 yang asing. Ini merupakan satu latehan yang amat berguna, untok menyediakan pelajar2 menjadi manusia yang berdisiplin ~~dan~~ ~~mempunyai disiplin~~ yang akan kuana ~~dalam~~ menempoh kehidupan yang sabenar-nya satelah tamat sekolah kelak.

Dengan ada-nya pelajar2 dari seluroh ~~negeri di-~~Malaysia ~~belajar di-sini~~, maka ~~pelajar2~~ mereka sekalian dapat pula peluang berchampor-gaul di-antara satu sama lain. Ini akan dapat menyemaikan semangat Malaysia yang tulin. Kita tidak mahu pelajar2 kita mempunyai fikiran yang sempit yang di-sekat oleh tembok kedaerahan masing2. Kita tidak mahu pelajar2 kita mensifatkan diri-nya sebagai anak Trengganu atau Kelantan, Johor atau Melaka dan lain2-nya. Sebalek-nya pelajar2 sekalian hendak-lah berfikiran dan menganggap diri-nya ~~masing2~~ sebagai anak Malaysia. ~~Negara kita Malaysia mempunyai~~ Chogan kata negara kita ialah "Bersekutu Bertambah Mutu" dan tempat yang sabaik2-nya bagi kita berlateh mengamalkan chogan kata ini ia-lah semasa kita di-bangku sekolah.

~~Sekarang saya suka menyentoh mengenai perkembangan pelajaran sains di-negara kita ini. Zaman kita sekarang ini zaman sains dan teknoloji. Kalau kita sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat, ingin~~

~~berdiri sama tinggi dan dudok sama rendah dengan bangsa2~~

~~lain yang maju di-dunia, kita tidak-lah boleh ketinggalan~~

~~di-dalam bidang ini. Kita hendak-lah berusaha dengan~~

~~segala tenaga yang ada pada kita dan tidak boleh terus~~

~~menerus berharap kapada orang lain.~~

Tidaklah payah saya menyebut-nya lagi betapa

~~Kerajaan memang-nya bergiat benar untok~~

mustahak-nya pelajaran sains dan teknoloji ~~di~~ ~~kepada~~ kerana

~~mencheborkan ra'ayat negara ini ka-alam sains, hisab dan~~

pembangunan dan kemajuan negara kita. Oleh yang demikian *

sunggoh pun kita masih

~~teknoloji.~~ Kekurangan guru2 sains dan teknik, ~~yang~~ kita sedang

dan akan terus berusaha untok mengatasi masaalah ini.

~~sa-ketika dahulu amat genting akan menjadi bertambah lega~~

Selain daripada kita mendapat bantuan guru² dari luar negri,

~~sadikit apabila usaha2 segera yang telah di-lancharkan~~

latehan sudah mula ~~di-jalankan~~ berjalan kerana guru² sains dan

~~untok melateh guru2 bagi mata2 pelajaran ini dapat di-~~

ilmu hisab di-Universiti Pertanian dan di-Institut Teknoloji

~~laksanakan. Dua buah universiti, ia-itu universiti~~

Kebangsaan.

~~Pertanian dan Institut Teknoloji Kebangsaan telah juga~~

~~memulakan kursus2 yang khas di-taja untok mengeluarkan~~

~~guru2 sains dan ilmu hisab. Saya berharap ibu bapa~~

~~sekalian akan sedar hasrat Kementerian Pelajaran terhadap~~

~~murid2 sekalian khas-nya, supaya mereka menumpukan perhatian~~

dengan sekuat²-nya mempelajari

* maka Kerajaan adalah menggalakan anak² kita ~~supaya~~

pelajaran² ini.

~~yang lebeh ka-dalam mata2 pelajaran sains, ilmu hisab dan teknoloji.~~

kepada ~~Pada~~ pelajar2 dan guru2 di-seluroh tanah ayer ~~dan di-tambah pula dengan kemudahan2 yang ada di-sekolah ini,~~ kita ini, saya berseru supaya menumpukan sapenoh minat terhadap mata2 pelajaran ini. ~~dan jangan-lah hendak-nya berpuas hati dengan keadaan yang ada sahaja.~~ Dengan ranchangan latehan dan biasiswa yang di-berikan oleh Kerajaan hari ini, saya yakin bahwa ~~berharap~~ kita akan dapat mengeluarkan guru2 sains dan ilmu hisab kita sendiri dengan ~~di-dalam~~ bilangan yang memuaskan di-dalam tempoh yang sa-sengkat2-nya.

Sa-sabuah sekolah itu, bukan-lah merupakan satu tempat di-mana guru2 dan murid2 berkumpul dalam masa yang tertentu, supaya murid2 dapat menerima pelajaran sains, ilmu hisab, ilmu alam, tawarikh dan lain2 dari guru2 mereka. Ini hanya satu sahaja daripada beberapa sebab kita mengadakan sekolah2 untok anak2 kita sekalian.

...6/-

~~Kalau~~ Jeka kita tidak mempunyai pandangan yang lebeh luas daripada ini, bererti kita tidak menjalankan tugas yang di-kehendaki daripada kita, dan jika kita tidak menimbang dengan serious-nya tugas2 lain yang mesti di-penohi oleh sekolah2, berma'ana-lah sekolah2 kita itu akan menjadi kilang2 yang akan mengeluarkan robot2 yang bernyawa.

Pengetahuan yang kita perolehi dan pelajari dari buku, dan markah2 tinggi yang kita dapat dalam sa-suatu peperiksaan memang perlu, tetapi dengan sendiri-nya sahaja ~~pengguna-nya~~ kegunaan-nya sangat-lah tersekat. Pengetahuan dan kepujian yang telah kita chapai itu, hendak-lah menyesuaikan diri kita kapada berbagai2 keadaan dan masa yang sentiasa berubah2 dari satempat ka-satempat yang lain, dan dari semasa ka-semasa yang lain. Kita perlu juga mempunyai kebolehan untok memahami perasaan, pemikiran, kesusahan orang lain, dan di-samping itu kita

mesti juga sedia berkorban dan berbuat serba sadikit penyesuaian demi kepentingan ramai. Yang penting sekali, sekolah2 mesti mendidek anak2 dan menyemaikan perasaan kesedaran bagi mereka untok mempunyai salah satu tujuan2 hidup yang harmoni. di-dunia ini.

Sebagai satu bangsa yang merdeka, umor kita maseh terlalu muda, demikian juga hal-nya sekolah ini, yang maseh lagi muda usia-nya, ia-itu hanya lebeh kurang 15 tahun. Ini mesti kita sedari apabila kita menimbangkan kemajuan dan perkembangan di-seluroh negara kita. Masa 15 tahun bagi satu2 bangsa yang merdeka merupakan masa yang pendek sekali, sunggoh pun demikian kita patut bershukur kapada Allah kerana kita telah dapat mengator pentadbiran dan memajukan negara kita dengan sempurna dalam berbagai2 bidang, termasok-lah bidang pelajaran. Di-bandingkan dengan dunia sakeliling-nya, kita harus merasa bangga kerana telah menjadi negara yang di-kagumi oleh kebanyakan ra'ayat negara lain yang

...8/-

~~ingin untok menetap di-sini~~.

---

Perkembangan ~~pelajaran~~ Sekolah Tuanku Abdul Rahman ini amat-lah nyata, ~~ia-itu~~ sekolah ini mula2 di-buka pada tahun 1957, ~~ia~~ dan mempunyai 360 orang murid untok Tingkatan I dan Kelas Peralehan, ~~dengan~~ dan bilangan guru seramai 15 orang. Tetapi bilangan itu pada tahun 1972 ini, telah bertambah, ia-itu bagi penuntut2-nya bertambah 792 dua kali ganda, sementara guru2-nya 44 3 kali ganda.

---

Akhir kata, saya suka mengambil peluang ini menguchapkan tahniah sekali lagi kapada penuntut2 sekolah ini yang berjaya di-dalam pepereksaan LCE, MCE dan HSC tahun lalu, dan di-harap kechapaian yang baik itu terus di-kekalkan supaya nama STAR akan menjadi buah mulut orang ramai dan di-sanjong tinggi oleh kalangan terpelajar negara ini. Kapada Ahli2 Lembaga Pengelola dan juga guru2 yang telah memberikan sumbangan yang begitu besar kapada kemajuan dan perkembangan pelajaran anak2 kita di-

...9/-

sekolah ini, saya uchapkan terima kaseh dan di-harap kerjasama yang baik ini akan di-teruskan. ~~demi menjaga perkembangan dan kemajuan pelajaran anak2 kita.~~

(1) Hendak gymnasium.
(2) " Surau. } rendah priority

alat² academic di-utamakan dahulu.

(3) Band Sekolah – minta bantuan wang dari Kementerian dan Persatuan Murid² Tua.

---

(I) Peraturan²:- siap.

(a) Taman Bimbingan Kanak²

(b) Persatuan Ibu Bapa / Guru²

(c) Lembaga² Sekolah.

(II) ~~Ikrar murid² kepada guru² pada Hari Guru yg lalu tahun ini.~~

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI ★ MALAYSIA ★
AHO/U

No. Siri 116
No Penerimaan 116/80